

A. PERKHIDMATAN JURUFOTO, JURUVIDEO, PERHUBUNGAN MEDIA, PENGURUSAN MAJLIS DI LUAR WAKTU PEJABAT	(i) Bagi sebarang permohonan perkhidmatan jurufoto, juruvideo, perhubungan media dan pengurusan majlis PKK di luar waktu pejabat, termasuk pada hari Sabtu, Ahad, cuti umum dan selepas waktu bekerja, segala tuntutan elaun lebih masa (OT) dan apa-apa tuntutan berkaitan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh JAFPIB yang menganjurkan atau menjemput perkhidmatan tersebut. Sebarang tuntutan elaun lebih masa dan tuntutan berkaitan yang timbul daripada penugasan tersebut tidak akan dipertanggungjawabkan kepada peruntukan PKK. (ii) Ketetapan ini adalah terpakai bagi semua program, majlis, aktiviti, liputan media, rakaman video, dokumentari dan tugas berkaitan yang dilaksanakan di luar waktu pejabat. Sehubungan itu, JAFPIB hendaklah memastikan peruntukan yang bersesuaian disediakan dan dipastikan mencukupi terlebih dahulu bagi menanggung implikasi kewangan berkenaan. (iii) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, permohonan perkhidmatan hendaklah dibuat oleh JAFPIB melalui saluran dan tempoh masa yang ditetapkan oleh PKK. Kelulusan permohonan perkhidmatan tidak bermaksud tanggungan kewangan bagi kerja lebih masa adalah di bawah peruntukan PKK.
---	---